

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful motor anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 1 Februari 2026

1 Apakah itu Takaful myMotor – Kereta Persendirian?

Takaful myMotor – Kereta Persendirian (Perlindungan Komprehensif) memberikan perlindungan komprehensif kepada kenderaan anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian serta liabiliti kepada pihak ketiga untuk kematian atau kecederaan badan dan kerugian atau kerosakan harta benda.

Konsep Syariah yang Diguna Pakai:

- **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (DTA) adalah berdasarkan Hibah.
- **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi.
- **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain.
- **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM1,693.76** setahun, anda akan menerima perlindungan asas sijil takaful motor seperti berikut:

Jumlah Perlindungan	RM50,000
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan	0%
Perlindungan Tambahan (Ini disertai dengan sumbangan takaful tambahan)	<ul style="list-style-type: none">• Cermin Depan, Tingkap dan Perlindung Matahari Kenderaan dengan jumlah sumbangan: RM2,000;• Motor PA Plus (Pelan 1);<ul style="list-style-type: none">○ Kematian atau Keilatan Kekal akibat Kemalangan; dan○ Khidmat Tunda.• Kemasukan Peril Khas;• Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air (Pelan 1);• Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART) - (7 hari x RM50);• Penggantian Kunci (Pelan 1);• Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang;• Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang• Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam• Pengecualian Penambahbaikan; atau• Fasal Nilai Dipersetujui. <p>Nota: Perlindungan di atas adalah berdasarkan Pelan 1. Sila rujuk Lampiran untuk pelan lain yang ditawarkan di bawah produk ini.</p>

Sijil asas takaful motor anda melindungi:

- Kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda disebabkan oleh kemalangan, kebakaran atau kecurian;
- Liabiliti anda atau pemandu yang dibenarkan kepada pihak ketiga untuk:
 - Kecederaan tubuh badan atau kematian; dan
 - Kerugian atau kerosakan harta benda.
- Manfaat kemalangan diri tanpa bayaran sebanyak RM15,000 bagi setiap pemandu dan penumpang.

Pengecualian sijil takaful motor anda:

- Liabiliti terhadap tuntutan oleh penumpang kenderaan anda melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan;
- Kerugian daripada penggunaan kenderaan anda melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada kejadian semula jadi seperti banjir, ribut atau tanah runtuh melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan; atau
- Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, kerosakan atau kegagalan mekanikal/elektronik.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah sijil ini.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful motor anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Layari kami di:
www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-mymotor/



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk sijil takaful motor ini, anda mesti membuat sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan asas takaful	RM1,693.76
(-) 0% Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan	RM0.00
(+) Perlindungan tambahan	
<ul style="list-style-type: none"> • Cermin Depan, Tingkap dan Perlindung Matahari Kenderaan dengan jumlah sumbangan: RM2,000 • Motor PA Plus (Pelan 1): <ul style="list-style-type: none"> ◦ Kematian atau Keilatan Kekal akibat Kemalangan ◦ Khidmat Tunda • Kemasukan Peril Khas • Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air (Pelan 1) • Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART) - (7 hari x RM50) • Penggantian Kunci (Pelan 1) • Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang • Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang • Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam • Pengecualian Penambahbaikan • Fasal Nilai Dipersetujui 	RM300.00 RM20.00 RM100.00 RM20.00 RM35.00 RM20.00 RM37.80 RM7.50 RM150.00 RM285.00 RM50.00
Jumlah sumbangan takaful	RM2,719.06
Yuran Wakalah (sebahagian daripada jumlah sumbangan takaful RM2,719.06)	26% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM706.96 , di mana: <ul style="list-style-type: none"> • Komisen 10% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM271.91 • Perbelanjaan Pengurusan 16% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM435.05
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM217.52
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah takaful yang perlu dibayar	RM2,946.58

MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

A	Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful setiap tahun.
B	Takaful ini hanya akan berkuat kuasa setelah anda membayar sumbangan (tunai sebelum perlindungan).
C	Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda pada waktu anda memohon sijil takaful motor ini dengan merujuk kepada <i>Insurance Services Malaysia (ISM) Automotive Business Intelligence System (ABI)</i> kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang boleh anda tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi kami melalui: <ol style="list-style-type: none"> 1. Cawangan: Senarai Penglibatan Pelanggan yang merangkumi cawangan dan pusat panggilan www.takaful-malaysia.com.my/hubungi-kami/ 2. Talian Unit Khidmat Pelanggan (CSU): 1-300 80 2525 3. E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my 4. Dalam Talian: www.takaful-malaysia.com.my/panduan-tuntutan/ 5. Aplikasi Tele Bantuan 6. Bengkel Panel Takaful Malaysia: Untuk Tuntutan Kerosakan Sendiri (OD) dan Tuntutan Kerosakan Sendiri Knock-for-Knock (ODKFK) Proses Tuntutan: <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi talian Tele Bantuan di 1800 888 788 untuk bantuan kemalangan, penundaan atau kerosakan kenderaan; • Kumpulkan bukti; • Buat laporan polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam; • Maklumkan kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh kemalangan; dan • Hantar kenderaan anda ke bengkel panel pilihan terdekat yang diluluskan oleh kami.
E	Jika kenderaan anda terlibat dalam kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan yang rosak ke: <ul style="list-style-type: none"> • Bengkel pembaikan kenderaan yang terdapat dalam panel bengkel yang diluluskan oleh kami; • Bengkel pembaikan kenderaan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); atau • Mana-mana bengkel pembaikan yang lain telah kami berikan kelulusan khas kepada anda untuk digunakan.
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Anda perlu rujuk kepada sijil untuk terma dan syarat penuh di bawah sijil ini.	

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada CSU kami melalui e-mel, dengan mengunjungi mana-mana Takaful myCare Centres (TMCC) atau ejen yang sah, atau melalui portal [myTakaful Customer](http://myTakaful.Customer). Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan secara prorata daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Tiada yuran pembatalan akan dikenakan.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH PRODUK YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (TIPS) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY/MY).



Manfaat Tambahan

Manfaat Tambahan	Manfaat pilihan lain dengan pembayaran sumbangan tambahan:	
	Manfaat Tambahan	Perihal Perlindungan
a.	Perlindungan untuk Cermin Kenderaan	Manfaat ini melindungi kos penggantian atau pembaikan sebarang kaca di cermin depan, tingkap atau bumbung matahari kenderaan anda yang rosak akibat kemalangan, termasuk kos filem laminasi / penapis haba (jika ada). Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda tidak akan terjejas sekiranya menyertai perlindungan tambahan ini.
b.	Motor PA Plus	Manfaat ini menyediakan manfaat tambahan kepada pemandu dan penumpang yang dalam perjalanan dengan menaiki kenderaan anda terhadap kematian atau keilangan kekal akibat kemalangan jalan raya serta khidmat tunda akibat kerosakan tanpa had sehingga had maksimum yang dipilih. Ini adalah tambahan kepada Kemalangan Peribadi Percuma bernilai RM15,000 bagi setiap Orang yang Dilindungi dan 50km khidmat tunda akibat kerosakan. Anda boleh memilih mana-mana pelan di bawah: a) Pelan 1 - RM20,000 Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 100km b) Pelan 2 - RM30,000 Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 200km c) Pelan 3 - RM40,000 Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 300km d) Pelan 4 - RM85,000 Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan dan kemalangan tanpa had maksimum di Semenanjung Malaysia manakala di Malaysia Timur sehingga 1000km.
c.	Kemasukan Peril Khas	Manfaat ini melindungi kenderaan anda dari kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bencana semula jadi seperti banjir, ribut, taufan, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau mendapan.
d.	Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air	Manfaat ini membayar balik perbelanjaan sebenar yang anda keluarkan sehingga had maksimum dipilih terhadap kerosakan air akibat banjir, banjir kilat, limpahan saluran air, longkang, sungai atau lumpur yang memerlukan tundaan dan pembersihan. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali dalam tempoh perlindungan. Anda boleh memilih had manfaat daripada pelan di bawah: a) Pelan 1 – RM1,000 b) Pelan 2 – RM2,000 c) Pelan 3 – RM3,000
e.	Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART)	Manfaat ini membayar pampasan akibat kerugian penggunaan kenderaan anda berdasarkan penilaian pelaras kerugian mengenai masa yang diperlukan untuk pembaikan akibat kemalangan (sehingga 21 hari x RM200).
f.	Penggantian Kunci	Manfaat ini membayar balik 80% kos penggantian kunci kereta anda sehingga had maksimum yang dipilih. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali dalam tempoh perlindungan. Anda boleh memilih had manfaat daripada pelan di bawah: a) Pelan 1 – RM750 b) Pelan 2 – RM1,500 c) Pelan 3 – RM3,000
g.	Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang*	Manfaat ini melindungi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang (kecuali ahli keluarga) akibat kecuaiannya pemanduan anda. Perlindungan ini adalah wajib sekiranya memandu kereta anda di Singapura.
h.	Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang*	Manfaat ini melindungi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga atau kerosakan harta benda pihak ketiga disebabkan oleh kecuaiannya penumpang anda (contoh - penumpang di dalam kereta anda telah membuka pintu dan menyebabkan kecederaan kepada pejalan kaki atau merosakkan kereta dibelakang).
i.	Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam	Manfaat ini melindungi kenderaan anda daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh orang yang terlibat dalam mogok, rusuhan atau gangguan ketenteraman awam.
j.	Pengecualian Penambahbaikan	Manfaat ini menyediakan Pengecualian Penambahbaikan sehingga 11 tahun.
k.	Fasal Nilai Dipersetujui	Manfaat ini menyediakan Fasal Nilai Dipersetujui sehingga 10 tahun.

	<p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> *Adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa mempunyai perlindungan liabiliti penumpang bagi kenderaan anda. Sekiranya jumlah Orang yang Dilindungi pada waktu kejadian melebihi jumlah kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam Kad Pendaftaran Kenderaan, had liabiliti kami bagi setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah jumlah penumpang yang dinyatakan dengan jumlah sebenar penumpang. Orang yang Dilindungi bermaksud pemandu dan/ atau penumpang kereta anda. Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh perlindungan / manfaat di bawah produk ini. 																													
Sumbangan untuk Manfaat Tambahan	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="199 443 949 481">Manfaat Tambahan</th> <th data-bbox="949 443 1085 481">Pelan 1</th> <th data-bbox="1085 443 1220 481">Pelan 2</th> <th data-bbox="1220 443 1356 481">Pelan 3</th> <th data-bbox="1356 443 1532 481">Pelan 4</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="199 481 255 504">a.</td> <td data-bbox="255 481 949 504">Motor PA Plus</td> <td data-bbox="949 481 1085 504">RM20</td> <td data-bbox="1085 481 1220 504">RM30</td> <td data-bbox="1220 481 1356 504">RM40</td> <td data-bbox="1356 481 1532 504">RM85</td> </tr> <tr> <td data-bbox="199 504 255 526">b.</td> <td data-bbox="255 504 949 526">Khidmat Tundaan dan Pembersihan akibat Kerosakan Air</td> <td data-bbox="949 504 1085 526">RM20</td> <td data-bbox="1085 504 1220 526">RM35</td> <td data-bbox="1220 504 1356 526">RM45</td> <td data-bbox="1356 504 1532 526">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="199 526 255 571">c.</td> <td data-bbox="255 526 949 571">Penggantian Kunci</td> <td data-bbox="949 526 1085 571">RM20</td> <td data-bbox="1085 526 1220 571">RM30</td> <td data-bbox="1220 526 1356 571">RM50</td> <td data-bbox="1356 526 1532 571">-</td> </tr> </tbody> </table>						Manfaat Tambahan		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	a.	Motor PA Plus	RM20	RM30	RM40	RM85	b.	Khidmat Tundaan dan Pembersihan akibat Kerosakan Air	RM20	RM35	RM45	-	c.	Penggantian Kunci	RM20	RM30	RM50	-
	Manfaat Tambahan		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4																								
a.	Motor PA Plus	RM20	RM30	RM40	RM85																									
b.	Khidmat Tundaan dan Pembersihan akibat Kerosakan Air	RM20	RM35	RM45	-																									
c.	Penggantian Kunci	RM20	RM30	RM50	-																									
<p>Contoh: Sumbangan kasar bagi kereta persendirian baharu dengan jumlah dilindungi RM50,000.00* dan 1500 cc.</p> <table> <tr> <td>Perlindungan Komprehensif</td> <td>RM1,552.50</td> </tr> <tr> <td>Tolak 25% Kelayakan NCD</td> <td>RM 388.13</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM1,164.37</td> </tr> <tr> <td>Tambah Perlindungan Tambahan - Kerosakan Cermin sehingga RM800.00</td> <td>RM 120.00</td> </tr> <tr> <td>Motor PA Plus – (Pelan 1)</td> <td>RM 20.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Sumbangan Kasar</td> <td><u>RM1,304.37*</u></td> </tr> </table> <p>*Anggaran sumbangan kasar yang perlu dibayar adalah RM1,304.37 tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Setem Duti.</p> <p>Jumlah perlindungan ini adalah berasaskan kepada nilai pasaran semasa kenderaan dengan merujuk kepada pangkalan data penilaian kenderaan <i>Insurance Services Malaysia (ISM) Automotive Business Intelligence (ABI)</i>.</p> <p>Nota: Contoh di atas adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja.</p>							Perlindungan Komprehensif	RM1,552.50	Tolak 25% Kelayakan NCD	RM 388.13		RM1,164.37	Tambah Perlindungan Tambahan - Kerosakan Cermin sehingga RM800.00	RM 120.00	Motor PA Plus – (Pelan 1)	RM 20.00	Jumlah Sumbangan Kasar	<u>RM1,304.37*</u>												
Perlindungan Komprehensif	RM1,552.50																													
Tolak 25% Kelayakan NCD	RM 388.13																													
	RM1,164.37																													
Tambah Perlindungan Tambahan - Kerosakan Cermin sehingga RM800.00	RM 120.00																													
Motor PA Plus – (Pelan 1)	RM 20.00																													
Jumlah Sumbangan Kasar	<u>RM1,304.37*</u>																													

Pengisytiharan oleh Pelanggan*

Sila pastikan bahawa anda melengkapkan bahagian ini sendiri dan sepenuhnya memahami perkara yang anda tandatangani:

- Saya mengakui bahawa Takaful Malaysia telah memberikan saya satu salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terdapat dalam PDS.
- Saya mengesahkan bahawa saya telah memilih pelan [masukkan pelan].

*Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku sebarang pertikaian berhubung terma dan syarat produk pada masa hadapan.

Nama:

Tarikh: